

Headline	Elak guna telefon semasa dicas		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	12 Oct 2016	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	6	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	53 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 522
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,566



Elak guna telefon semasa dicas

SHAHALAM - Suruhanjaya Tenaga (ST) sekali lagi menasihati pengguna supaya tidak menggunakan telefon bimbit semasa ia sedang dicas kerana ia mengundang bahaya termasuk berlakunya renjatan elektrik.

Pengarah Kawal Selia Keselamatan Elektrik ST, Mohd

Elmi Anas berkata, semasa telefon dicas, kebocoran arus elektrik akan berlaku sekiranya adanya kerosakan pada alat pengecas.

“Menggunakan telefon bimbit yang sedang dicas, lebih-lebih lagi dengan alat pengecas tidak tulen, boleh membahayakan pengguna

ekoran renjatan yang terhasil daripada kebocoran elektrik pengecas tersebut.

“Selain itu, pengguna perlu memastikan mereka membeli alat pengecas tulen yang mempunyai label Sirim-ST atau yang dibekalkan bersama telefon bimbit,” katanya, semalam. -*Bernama*